

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 14**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan membentangkan Akta Ombudsman.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan untuk menubuhkan Ombudsman Malaysia telah dipersetujui oleh Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 4 Bilangan 4 Tahun 2018 pada 21 September 2018 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018.

2. Pada masa ini, draf Rang Undang-Undang Ombudsman Malaysia telah disediakan oleh Biro Pengaduan Awam untuk pertimbangan Jabatan Peguam Negara. Rang Undang-Undang ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada bulan hujung tahun ini. Sekian, terima kasih.